

KP(PPK)S 32/4 Jld.IX/ (88)

15 Disember 1990

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8/1990 :**  
**Sukatan Pelajaran dan Peruntukan Masa Untuk**  
**Mata-Mata Pelajaran Program Kurikulum Bersepadu**  
**Sekolah Menengah (KBSM) Bagi Sekolah Menengah**  
**Atas Mulai Tahun 1992**

---

Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.17/1988 bagi memaklumkan tentang sukatan pelajaran dan peruntukan masa untuk mata-mata pelajaran KBSM, Sekolah Menengah Rendah. Pada tahun 1992, program bagi mata-mata pelajaran Sekolah Menengah Atas akan dilaksanakan.

2. Mata-mata pelajaran teras dan tambahan bagi peringkat Sekolah Menengah Atas dalam rancangan KBSM adalah seperti yang disenaraikan di bawah ini :

TERAS

Bahasa Malaysia

Bahasa Inggeris

Matematik

Pendidikan Islam/Pendidikan Moral

Sejarah

Sains

Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

TAMBAHAN

Bahasa Cina

Bahasa Tamil

Kesemua mata pelajaran teras wajib diambil oleh pelajar Tingkatan IV mulai tahun 1992 dan seterusnya. Walau bagaimanapun, pelajar di Sekolah Menengah Vokasional dikecualikan daripada mengambil mata pelajaran Sejarah dalam kumpulan teras.

3. Mata-mata pelajaran elektif yang akan dilaksanakan mulai tahun 1992 adalah seperti berikut :

Kumpulan I  
(Kemanusiaan)

- Kesusasteraan Melayu
- Kesusasteraan Dalam Bahasa Inggeris
- Geografi
- Pendidikan Seni

Kumpulan II  
(Vokasional dan Teknologi)

- Prinsip Akaun
- Ekonomi Asas
- Perdagangan
- Sains Pertanian
- Ekonomi Rumah Tangga
- Matematik Tambahan
- Pengajian Kejuruteraan Jentera
- Pengajian Kejuruteraan Awam
- Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Lukisan Kejuruteraan
- Teknologi Kejuruteraan

Kumpulan III  
(Sains)

- Sains Tambahan
- Fizik
- Kimia
- Biologi

4. Syarat-syarat pemilihan mata-mata pelajaran elektif adalah seperti berikut :
- (i) Pelajar dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya dua mata pelajaran tetapi tidak melebihi empat mata pelajaran elektif;
  - (ii) Mata-mata pelajaran tersebut hendaklah dipilih daripada sekurang-kurangnya dua kumpulan;
  - (iii) Bagi pelajar yang mengambil dua atau tiga mata pelajaran sains tulen iaitu sama ada Fizik, Kimia atau Biologi;
    - (a) Mereka tidak dibenarkan mengambil mata pelajaran Sains dalam kumpulan teras; dan
    - (b) Mereka tidak dibenarkan mengambil mata pelajaran Sains Tambahan.
  - (iv) Pelajar di Sekolah Menengah Teknik yang mengambil dua atau tiga mata pelajaran sains tulen dibolehkan mengambil lima mata pelajaran elektif.
5. Penawaran mata-mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam Seksyen 2, Akta Pelajaran 1961. Syarat ini menyatakan yang kemudahan untuk pengajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil hendaklah disediakan sekiranya munasabah dan boleh dilaksanakan serta ada permintaan daripada ibu bapa kepada lima belas (15) orang pelajar atau lebih untuk mata-mata pelajaran itu diajar.

6. Penawaran mata-mata pelajaran elektif adalah tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang ada, termasuk guru-guru. Walau bagaimanapun pihak sekolah perlu merancang untuk menyediakan mata-mata pelajaran elektif yang sebanyak mungkin untuk dipilih oleh pelajar. Pihak sekolah juga dikehendaki membimbing pelajar dalam menentukan pemilihan mata-mata pelajaran dalam kumpulan elektif supaya pemilihan yang dibuat oleh pelajar adalah wajar dan sesuai.

7. Semua mata pelajaran yang disenaraikan pada perenggan dua dan perenggan tiga akan menggunakan sukatan pelajaran baru Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

8. Peruntukan masa bagi peringkat menengah atas seperti yang terdapat dalam Jadual I hendaklah digunakan.

### JADUAL I

#### Peruntukan Masa KBSM Peringkat Sekolah Menengah Atas

<u>Mata Pelajaran Teras</u>	<u>Jumlah Waktu Seminggu</u>
1. Bahasa Malaysia	6 [5 + 1 (Sastera)]
2. Bahasa Inggeris	5 [4 + 1 (Sastera)]
3. Pendidikan Islam	4 [3 + 1 (Amali)]
4. Pendidikan Moral	3
5. Matematik	5
6. Sains	4
7. Sejarah	3
8. Pendidikan Jasmani & Kesihatan	2
 Mata Pelajaran Tambahan	
Bahasa Cina/Bahasa Tamil	3
 Mata Pelajaran Elektif	
<u>Kumpulan I</u> (Kemanusiaan)	
▪ Kesusasteraan Melayu	3
▪ Kesusasteraan Dalam Bahasa Inggeris	3
▪ Geografi	3
▪ Pendidikan Seni	3

Kumpulan II  
(Vokasional dan Teknologi)

▪ Prinsip Akaun	4
▪ Ekonomi Asas	3
▪ Perdagangan	3
▪ Sains Pertanian	4
▪ Ekonomi Rumah Tangga	4
▪ Matematik Tambahan	4
▪ Pengajian Kejuruteraan Jentera	4
▪ Pengajian Kejuruteraan Awam	4
▪ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	4
▪ Lukisan Kejuruteraan	4
▪ Teknologi Kejuruteraan	4

Kumpulan III  
(Sains)

▪ Sains Tambahan	4
▪ Fizik	4
▪ Kimia	4
▪ Biologi	4

Syarat

- (a) Masa bagi satu waktu ialah 40 minit.
- (b) Jumlah waktu formal ialah 38 waktu seminggu.
- (c) Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam (pelajar Islam) dan Pendidikan Moral (pelajar bukan Islam) dijalankan serentak. Satu waktu khas untuk amali bagi mata pelajaran Pendidikan Islam ialah untuk sembahyang berjemaah dan aktiviti-aktiviti yang dapat mengukuhkan amalan serta penghayatan Islam.
- (d) Pengajaran mata pelajaran Bahasa Cina/Bahasa Tamil hendaklah diadakan tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang tersebut pada perenggan lima. Satu waktu adalah diperuntukkan bagi Bahasa Cina/Bahasa Tamil dalam

jadual waktu bagi setiap sidang pagi dan petang. Waktu pengajaran mata pelajaran Bahasa Cina/Bahasa Tamil yang selebihnya boleh diadakan pada sebelah petang bagi sidang pagi dan di sebelah pagi bagi sidang petang. Bagi sekolah-sekolah yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat seperti yang tersebut pada perenggan lima, waktu tersebut hendaklah digunakan untuk perpustakaan.

9. Jumlah mata pelajaran yang boleh diambil oleh pelajar tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

- (a) Semua mata pelajaran teras, iaitu tujuh mata pelajaran.
- (b) Jumlah minima mata pelajaran elektif yang boleh diambil ialah dua dan maksima empat, kecuali bagi pelajar Sekolah Menengah Teknik yang boleh mengambil lima mata pelajaran.
- (c) Jumlah waktu minima yang perlu diikuti oleh pelajar, tidak termasuk mata pelajaran tambahan, ialah 34 waktu bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral dan 35 waktu bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam.
- (d) Jumlah waktu maksima yang boleh diikuti oleh pelajar, tidak termasuk mata pelajaran tambahan, ialah 44 waktu bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral dan 45 waktu bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam, kecuali bagi pelajar Sekolah Menengah Teknik.

10. Agihan waktu persekolahan dicadangkan seperti dalam Jadual II untuk negeri-negeri yang bercuti am pada hari Ahad serta dalam Jadual III untuk negeri-negeri yang bercuti am pada hari Jumaat.

Jadual II

Waktu Persekolahan

Masa Hari	7.40- 8.20	8.20- 9.00	9.00- 9.40	9.40- 10.20	10.20- 10.40	10.40- 11.20	11.20- 12.00	12.00- 12.40	12.40- 1.20	2.00- 2.40	2.40- 3.20	Jumlah Waktu
Isnin	X	X	X	X	R	X	X	X	X			8
Selasa	X	X	X	X	E	X	X	X	X			8
Rabu	X	X	X	X	H	X	X	X	X	X	X	10
Khamis	X	X	X	X	A	X	X	X		X	X	9
Jumaat	X	X	X	X	T	X	X	X				7
Jumlah Waktu Seminggu												42

Jadual III  
Waktu Persekolahan

Masa Hari	7.40- 8.20	8.20- 9.00	9.00- 9.40	9.40- 10.20	10.20- 10.40	10.40- 11.20	11.20- 12.00	12.00- 12.40	12.40- 1.20	1.20- 2.00	2.00- 2.40	Jumlah Waktu
Ahad	X	X	X	X	R	X	X	X	X			8
Isnin	X	X	X	X	E	X	X	X	X			8
Selasa	X	X	X	X	H	X	X	X	X	X	X	10
Rabu	X	X	X	X	A	X	X	X		X	X	9
Khamis	X	X	X	X	T	X	X	X				7
Jumlah Waktu Seminggu												42

11. Pihak pengurusan sekolah diharapkan dapat mengatur pada waktu yang sesuai bagi mata-mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

12. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, waktu persekolahan harian boleh disesuaikan dengan keadaan masa tempatan.

13. Kandungan Pekeliling ini hendaklah dimaklumkan kepada semua sekolah menengah.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA dan CINTAILAH BAHASA KITA”**



**TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I dan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Timbalan Ketua Setiausaha I dan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Setiausaha Sulit kepada  
Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Setiausaha Sulit kepada  
Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia